



## فچابه قریندھاراً نگري ترغكانو

PEJABAT PERBENDAHARAAN NEGERI TERENGGANU  
Tingkat 3 & 4, Wisma Darul Iman,  
20592 Kuala Terengganu.

Tel : 09-623 1957 Faks : 09-623 7949 (Perb. Tr), 09-626 7948 (Bend. Tr)  
E-mel : [perbendaharaan@terengganu.gov.my](mailto:perbendaharaan@terengganu.gov.my)



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO.: AR 5426



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO.: MY-AR 5426

PERB.TR.U/73/03/01/4 – ( )  
Bertarikh : 01 September 2015  
Bersamaan : 17 Zulkaedah 1436H

### Kepada Semua PTJ- Sebagaimana Lampiran

YB./Y.Bhg Dato'/Tuan/Puan,

### PENGAKTIFAN SEMULA PUBLIC KEY INFRASTRUCTURE (PKI) SISTEM PERAKAUNAN BERKOMPUTER STANDARD KERAJAAN NEGERI (SPEKS) BAGI KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

Saya adalah dengan hormatnya merujuk kepada perkara yang tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa pihak pentadbiran Negeri telah bersetuju mengaktifkan semula perlaksanaan Public Key Infrastructure (PKI) bagi Sistem Perakaunan Berkomputer Standard Kerajaan Negeri (SPEKS) bermula pada **01hb. Oktober 2015** yang bertujuan untuk meningkatkan lagi tahap keselamatan sistem SPEKS.

3. Peningkatan tahap keselamatan ini adalah melalui penggunaan USB token di mana maklumat pengguna berdaftar telah dimasukkan di dalam USB token yang dibekalkan dan USB token ini perlu digunakan setiap kali pengguna ingin menyemak atau meluluskan baucer jurnal dan baucer bayaran. USB token ini juga akan dibekalkan khususnya kepada kakitangan yang telah diberi kuasa untuk **menyemak atau meluluskan baucer jurnal dan baucer bayaran** sahaja. Pihak Pusat Tanggungjawab (PTJ) disarankan untuk membuat permohonan baru USB token bagi kakitangan yang belum mempunyai USB token atau membuat pembaharuan bagi yang telah luput tarikh penggunaannya dengan kadar segera. Tindakan ini perlu bagi memastikan semakan dan kelulusan dokumen baucer jurnal dan baucer bayaran tidak terjejas apabila perlaksanaan PKI mula diaktifkan semula pada tarikh di atas.

4. Bagi memohon atau memperbaharui Kad Pintar/USB token, sila muat turun borang permohonan menerusi alamat [http://www.digicert.com.my/download/AppD-1.1-Class\\_2\\_Digital\\_Certificate\\_Appli.pdf](http://www.digicert.com.my/download/AppD-1.1-Class_2_Digital_Certificate_Appli.pdf). Borang yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar ke Pejabat Perbendaharaan Negeri Terengganu bersama-sama salinan Kad Pengenalan dan Pesanan Tempatan untuk tujuan penyelesaian. Sebarang kemusykilan, sila hubungi pegawai saya, Pn. Khazimah binti Min di talian telefon 09-627 6268.

5. Kerjasama YB./Y.Bhg Dato'/Tuan/Puan dalam perkara ini didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

\* TRANSFORMASI TERENGGANU BAHARU \*  
“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”

Saya yang menurut perintah,

( MOHD SHUKRI BIN AZAM )

Bendahari Negeri  
b.p: Pegawai Kewangan Negeri  
Terengganu.

s.k. YB. Pegawai Kewangan Negeri  
Timbalan Pegawai Kewangan Negeri  
Fail timbul